

03/07/2003

Kerjasama KL, Moscow majukan sains, teknologi

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Kabinet meluluskan memorandum persefahaman (MoU) antara Malaysia dengan Russia bagi membuka lebih luas ruang kerjasama dalam bidang sains dan teknologi, 10 tahun selepas usaha itu dimulakan pada 1993.

Memorandum berkenaan akan ditandatangani minggu depan sempena lawatan Presiden Russia, Vladimir Putin ke negara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding, berkata perjanjian akan membuka pintu kepada kedua-dua kerajaan serta agensi negara masing-masing untuk meluaskan kerjasama dalam bidang berkaitan sains dan teknologi.

Ia membabitkan kerjasama pelbagai bidang seperti angkasa lepas, satelit, bioteknologi dan kaji cuaca.

"Melalui kerjasama ini, kita dapat mempertingkatkan kemajuan bidang sains dan teknologi negara," katanya pada sidang media selepas menutup Konvensyen Sains dan Teknologi Malaysia (MASTEC), di Hotel Marriot di sini semalam.

Konvensyen dua hari yang bermula kelmarin dianjurkan Akademi Sains Malaysia, Jabatan Sains dan Teknologi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi (MiGHT).

Law berkata, sebelum ini kerajaan beberapa kali mencuba menandatangani memorandum persefahaman itu tetapi tidak dapat dilakukan, termasuk ketika lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Russia tahun lalu.

Antara lain, ia berpunca daripada masalah pada pihak Russia.

"Saya amat gembira kerana kita mencapai persetujuan untuk menandatangani memorandum berkenaan," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini beberapa kerjasama sudah dibuat antara kedua-dua negara seperti dalam bidang angkasa lepas apabila Agensi Angkasa

Lepas Russia melancarkan satelit TiungSat-1.

"Memorandum ini akan menjadi payung kepada semua kerjasama dalam bidang sains dan teknologi kedua-dua negara," katanya sambil menjelaskan Perancis dan Itali juga berminat untuk bekerjasama dengan Malaysia.

Sementara itu, Law berkata, kerajaan akan mengeluarkan garis panduan baru berhubung program membawa balik saintis tempatan dari luar negara.

Ketika ini, pihaknya dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman

sedang pada peringkat akhir meneliti garis panduan itu sebelum dibentangkan kepada Kabinet.

"Ia membabitkan semua aspek berkaitan, termasuk kemudahan dan prosedur untuk memudahkan mereka pulang," katanya.

Beliau diminta mengulas jaminan yang diberikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa Jabatan Imigresen akan memberi kelulusan segera berhubung permohonan saintis yang mahu pulang ke tanah air.

Abdullah memberi jaminan itu selepas Law menyatakan antara perkara yang memperlahankan program membawa saintis pulang ialah kelewatan kelulusan oleh Jabatan Imigresen.

"Garis panduan akan dikeluarkan tidak lama lagi, seiring matlamat yang ditetapkan dalam Dasar Sains dan Teknologi Negara Kedua dan Pelan Tindakan yang baru dilancarkan," katanya.